

# **Vanila jana pendapatan lumayan**

VBSB sasar tanam lima juta pokok ‘emas hijau’

## **B**OLEH ceritakan se- ra ringkas sejarah pe- nanaman vanila di Malaysia?

Vanila yang sinonim sebagai perisa makanan seperti kek dan ais krim dihasilkan daripada buah sejenis orkid berasal dari Mexico dengan nama saintifiknya 'Vanilla Planifolia' yang wujud sejak 60 juta tahun lalu. Ia mula popular di Eropah pada kurun ke-16. Ia tumbuhan melata di kawasan beriklim tropika dan jangka hayatnya sehingga 25 tahun dengan pengeluaran hasil yang banyak dalam tempoh 12 tahun.

Pada 2001, Rentak Timur Sdn Bhd (RTSB), syarikat Bumiputera memulakan langkah pertama ke arah perniagaan berasaskan vanila atau lebih dikenali sebagai 'emas hijau'. Syarikat itu bekerjasama dengan Felda mempelopori penanaman vanila di negara ini menerusi pembangunan beberapa kebun contoh untuk penerokanya. Usaha itu turut membawa kepada penubuhan VBSB yang juga mendapat kerjasama RTSB, Malaysian Herbal Corporation Sdn Bhd (MHC), iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) yang turut

cara komersial di negara ini kerana selain memiliki kawasan luas untuk penanaman, nilainya yang tinggi berupaya menjana pendapatan lumayan, vanila adalah rempah ratus kedua termaulal selepas safron dan permintaan global bagi produk itu dianggarkan 8,000 tan metrik setahun.

VBSB mensasarkan penanaman kira-kira lima juta pokok vanila dengan kadar pengeluaran hasil tuaian hingga 8,000 tan setahun membabitkan sekurang-kurangnya 2500 hektar tanah di seluruh negara menjelang 2011.

Ia dijangka membantu petani menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi setiap 0.2 hektar tanaman yang diusahakan. Kami menggalakkan petani atau usahawan menanam sekurang-kurangnya 1,000 vanila dengan keluasan 0.5 hektar.

### **Bagaimakah perjanjian penanaman kontrak bersama VBSB?**

Menerusi perjanjian penanaman kontrak VBSB, usahawan dibekalkan dengan anak pokok vanila yang dijual pada harga RM14.50 setiap satu dan mereka perlu

- Agensi

“Harry tidak merancang untuk menyertaiinya. Harry sebelum ini kerap bercuri dengan Chelsy tapi kali ini tidak menurutnya. “Mereka tidak mahu terburu-buru dan Chelsy lebih suka dengan situasi ini,” kata sumber istana itu lagi.

a hujung minggu sahaja.

**P**ENANAMAN vanila kini semakin berkembang dan disasarkan Malaysia bakal menjadi antara pengeluar vanila terbilang menjelang 2011 selepas Madagascar dan Indonesia yang ketika ini menjadi pengeluar terbesar vanila, masing-masing menguasai 65 peratus dan 20 peratus pengeluaran dunia.

Malaysia kini pengeluar vanila yang semakin berkembang selepas usaha menanamnya secara komersial dijalankan sejak 2004 dan semakin berpotensi menjadi pengeluar terbesar jika ramai petani beralih menanamnya.



Usaha itu dikendalikan vanilla Biomatrix Sdn Bhd (VBSB) satu-satunya pengeluar Bumiptutera yang menghasilkan produk berasaskan vanila dan menawarkan peluang perniagaan kepada usahawan yang berminat mengusahakan ladang vanila secara kontrak.

Ikuti temubual wartawan Bisnes Metro, **WAN NORIZA MEOR IDRIS** bersama Pengurus Besar VBSB, Nurul Azha M Haris, di pejabatnya di Jalan Ampang, baru-baru ini mengenai manfaat khazanah 'emas hijau' berkenaan untuk diteroka petani atau usahawan berminat.

membeli sehingga 1,000 anak pokok yang mencukupi ditanam di kawasan seluas 0.5 hektar. Selepas pokok itu berbunga, pihak kami akan membeli semula buah vanila itu pada harga yang menguntungkan penanam iaitu antara RM30 hingga RM50 se-kilogram bagi buah hijau.

Setakat ini, lebih 350 usahawan terbabit mengusahakan penanaman vanila di bawah kontrak penanaman yang ditawarkan kami di seluruh negara.

Modal yang diperlukan usahawan bagi ladang seluas 0.2 hektar adalah kira-kira

RM20,000 dan daripadanya, mereka berpeluang mendapat keuntungan RM3,000 kerana setiap pokok mampu mengeluarkan di antara satu hingga lima kilogram buah vanila bagi setiap tuaian.

Individu berminat diminta hubungi talian 03-21440140 atau melayari laman web [www.vanilla.com.my](http://www.vanilla.com.my).

**Akhir sekali bagaimana pula dengan peluang usahawan vanila meneroka pasar antarabangsa selepas memulakan penanaman vanila di Malaysia.**

Amerika Syarikat, Kanada, Eropah dan China pengguna

terbesar produk berasaskan vanila. Pasarannya sangat besar kerana mendapat permintaan memberangsangkan di luar negara. Ia adalah bahan perisa yang bukan sajarnya digunakan untuk masakan khususnya makanan dan minuman (F&B), malah di sektor kosmetik, wangian, farmaseutikal dan nutraceutical di seluruh dunia. Oleh itu kami mensasarkan menjelang dua tahun akan datang Malaysia antara pengeluar vanila utama dunia. Oleh itu usahawan sememangnya akan mendapat manfaat dari ripada hasil 'emas hijau' ini.